

26 MAR 1998

FIRMA M'SIA SAHUT CABARAN UTK MELANGKAH MAJU DI CEBIT 98

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 26 Mac (Bernama) -- Di tengah-tengah publisiti besar-besaran oleh peserta-peserta industri utama di Cebit 98, pameran perdagangan teknologi maklumat dan telekomunikasi terbesar di dunia, 12 syarikat dari Malaysia yang menyertai pameran itu telah menyahut cabaran untuk langkah kemajuan mereka, di sini.

Walaupun peruntukan mereka tidak membolehkan mereka membuat publisiti besar-besaran seperti menyewa pesawat untuk mengibarkan sepanduk di seluruh bandar, menegakkan belon iklan gergasi atau mengupah akrobat dan ahli silap mata untuk mengadakan pertunjukan "secara langsung", Malaysia masih mampu untuk menarik pengunjung berduyun-duyun ke gerai mereka.

Walaupun sukar untuk menjangkakan mereka dapat menarik perhatian sebahagian besar daripada lebih 600,000 pelawat yang mengunjungi pameran itu, mereka tetap berpuas hati kerana merasakan kehadiran mereka bernilai meskipun terpaksa bersaing dengan 7,200 peserta pameran lain termasuk nama-nama besar seperti Sony dan Intel, dari 60 negara.

Seorang peserta pameran dari Malaysia, apabila ditanya mengenai sambutan, dengan jujur berkata "jumlah pengunjung mungkin kecil berbanding yang lain, tetapi pertanyaan mereka adalah berkualiti". Di mana ia memberi maksud secara tidak langsung prospek untuk mendapatkan jualan adalah lebih tinggi.

Bagi mereka berada di sini untuk menyertai pameran itu adalah lebih penting. Sebagai contohnya M.C. Yong, pengarah urusan Computer Protocol (M) Sdn Bhd, yang berada di sini untuk penyertaan kali kedua dalam pameran berkenaan.

"Ia adalah satu tindakan yang baik untuk datang ke sini. Ia membolehkan anda membandingkan dengan pesaing-pesaing lain," katanya kepada Bernama. "Bagi dunia komputer dan komunikasi, ia adalah pameran terbaik selain daripada pameran COMDEX di Las Vegas, Amerika Syarikat."

Bagi Yong, beliau cuba untuk mengukuhkan bahagian pasarannya dalam pasaran eksport. Sejak penyertaan syarikatnya dalam pameran CeBit tahun lalu, ia mampu meningkatkan jualan eksport produk rangkaian kerja dan data komunikasi sejak beberapa bulan lalu.

"Kami gembira krisis ekonomi tidak menjejaskan dalam apa juga pasaran eksport di luar Asia Tenggara," kata Yong, yang kini sedang menilai lebih daripada 200 pertanyaan yang diperolehi daripada pameran itu sahaja.

Selain Computer Protocol, peserta-peserta lain dari Malaysia ialah Ricomac Corporation Sdn Bhd (membaiki pinalin foto), BRG Interactive Digital Media Sdn Bhd (pembangunan), Sapura Group (produk telekomunikasi), Unico Technology Bhd (komputer multimedia), Iris Technologies, Thundercom Holdings Sdn Bhd (modem), Sri Tahana Sdn Bhd (aksesori telefon), Technitone (M) Sdn Bhd (katrij warna), AMP & Volt (M) Sdn Bhd (peralatan bekalan kuasa), TCP Electronics Sdn Bhd (komputer) dan DST DataStream Technologies Sdn Bhd (perlindungan anti-virus).

Seorang pegawai daripada syarikat telekomunikasi Malaysia berkata, selain memperkenalkan sesuatu produk, CeBit juga adalah medan untuk meninjau apa yang dilakukan oleh orang lain. "Satu trend telah dicipta di sini. Anda harus mengambil pandangan jangka panjang untuk terus hidup di masa depan," katanya.

Bagi Ang Beng Gee, seorang jurutera reka bentuk dengan DST DataStream Technologies, produk anti-virus syarikatnya turut mendapat perhatian daripada pengunjung.

DST, di mana pelanggan bagi alat perlindungan cakera keras "Diskguard" anti-virusnya termasuklah daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia, mengambil bahagian buat julung-julung kalinya dalam pameran CeBit.

"Kami mahu menunjukkan kepada dunia apa yang boleh kami tawarkan," kata Ang, sambil menambah sejumlah besar pertanyaan sudah mula mengalir masuk. "Kami merasakan apa yang kami ada sangat berguna kerana ia membantu mengelak kerugian masa, tenaga kerja dan wang apabila fail-fail terdedah kepada ancaman virus dan pemadaman yang tidak sepatutnya.

Prospek bagi Faisal Ismail, pengarah urusan TCP Electronics Sdn Bhd, pengeluar komputer Matahari "Buatan Malaysia" juga cerah. "Kami memperoleh beberapa pertanyaan daripada Timur Tengah dan Afrika Utara," kata Faisal, di mana produknya digunakan oleh kebanyakan agensi kerajaan di Malaysia.

Memandangkan kepada galakan membeli barangan dan perkhidmatan tempatan ketika ini, syarikatnya telah melancarkan produknya di pasaran tempatan daripada segi kontrak dengan kerajaan kerana hampir 90 peratus daripada komponennya buatan tempatan.

Manakala bagi Stephen Lopez, pengarang urusan BRG Interactive, ia adalah saat yang paling membanggakan baginya di pameran CeBit 98 apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan versi Internet majalah Perbadanan Kemajuan Malaysia (MDC), MSC.comm pada Sabtu lalu. BRG Interactive mengeluarkan versi Internet sebagai mewakili MDC.

BRG, yang sudah memperoleh status syarikat MSC, berada di sini atas pelbagai alasan, termasuklah mengembangkan perkhidmatan pembangunan multimediana seperti kemajuan kandungan, terutamanya dalam telekomunikasi pemusatan, teknologi maklumat dan industri berasaskan media dan penyiaran.

-- BERNAMA

SHY ZK OS